

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN RAKYAT  
MESYUARAT KETIGA, PENGGAL KEDUA,  
PARLIMEN KEEMPAT BELAS**

---

**PERTANYAAN : LISAN**  
**DARIPADA : Y.B. PUAN WONG SHU QI**  
**[KLUANG]**  
**TARIKH : 30 OKTOBER 2019 (RABU)**

**SOALAN NO. 25**

**Y.B. PUAN WONG SHU QI [ KLUANG ]** minta **MENTERI KEWANGAN** menyatakan berapa jumlah hutang 1MDB telah telah dibayar balik oleh Kerajaan serta rancangan pembayaran balik hutang 1MDB.

**JAWAPAN**

Tuan Yang di-Pertua,

Kerajaan bagi tempoh April 2017 hingga Mei 2019 telah menyalurkan bantuan kewangan kepada 1Malaysia Development Bhd (1MDB) sebanyak kira-kira RM8.93 bilion melalui Kementerian Kewangan dan syarikat Menteri Kewangan Diperbadankan (MKD) bagi tujuan pelunasan bayaran faedah pinjaman dan bayaran penyelesaian kepada International Petroleum Investment Company (IPIC).

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, jumlah hutang 1MDB pada 30 Oktober 2019 adalah berjumlah RM50.75 bilion yang terdiri daripada bayaran prinsipal dan faedah sukuk dan bon masing-masing berjumlah RM31.65 bilion dan RM10.2 bilion serta bantuan kewangan dari Kerajaan sebanyak RM8.93 bilion. Komitmen tahunan pembayaran faedah hutang 1MDB sehingga tahun 2021 pula adalah sebanyak kira-kira RM1.7 bilion.

Sehingga 30 September 2019, jumlah dana berkaitan 1MDB yang telah berjaya didapatkan kembali dan didepositkan ke dalam *Assets Recovery Account* di bawah Kementerian Kewangan dan 1MDB adalah sebanyak kira-kira RM925.1 juta (termasuk RM6.1 juta yang dipulangkan kepada Yayasan 1MDB). Dana ini telah diperolehi dalam pelbagai mata wang asing termasuk dolar AS, dolar Singapura, dolar Australia dan China Renminbi.

Jumlah tersebut tidak termasuk hasil jualan Kapal Equanimity sebanyak kira-kira USD126 juta (RM529.2 juta) yang telah diterima sepenuhnya pada 23 April 2019 dan kini disimpan di dalam *Sheriff's Stakeholder Account* bagi tujuan penyesuaian dengan tuntutan perbelanjaan penyelenggaraan kapal yang akan ditentukan melalui Perintah Mahkamah. Baki hasil jualan setelah ditolak jumlah perbelanjaan yang terlibat dijangka akan didepositkan ke dalam *Assets Recovery Account* pada suku tahun keempat tahun 2019.

## **NO SOALAN : 25**

Secara keseluruhannya, jumlah dana berkaitan 1MDB yang telah berjaya didapatkan kembali adalah sebanyak kira-kira RM1.45 bilion.

Dana *Assets Recovery Account* ini akan digunakan bagi tujuan pembayaran hutang 1MDB. Ini penting bagi mengelak berlakunya *event of default* ke atas hutang-hutang 1MDB yang seterusnya akan memberikan impikasi buruk kepada ekonomi negara kerana hutang-hutang berkenaan dijamin oleh Kerajaan Malaysia melalui Jaminan Kerajaan, Surat Sokongan dan *Settlement Agreement*. Di samping itu, penggunaan dana *Assets Recovery Account* untuk membayar hutang 1MDB juga akan dapat mengurangkan tanggungan beban kewangan Kerajaan.

Keseluruhan dana *Assets Recovery Account* sebanyak RM1.45 bilion ini hanya mampu untuk menampung 6 kali bayaran faedah hutang 1MDB daripada September 2019 hingga April 2020 iaitu sebanyak kira-kira RM1.34 bilion. Justeru itu, bantuan kewangan daripada Kerajaan masih diperlukan bagi tujuan pelunasan hutang 1MDB mulai Mei 2020 dan seterusnya.